

PROGRAM MEMFAILKAN BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN (BNCP) BAGI TAHUN 2015

1. PENGEMUKAAN BORANG BE, B, BT, M, MT, P, TP, TJ DAN TF BAGI TAHUN TAKSIRAN 2014

1.1 Tarikh Akhir Pengemukakan BNCP Tahun Taksiran 2014

Punca Pendapatan	Tarikh Akhir Pengemukakan BNCP
Tidak Menjalankan Perniagaan	30 April 2015
Menjalankan Perniagaan	30 Jun 2015

1.2 Tambahan Masa Untuk Mengemukakan BNCP Secara e-Filing (e-BE, e-B / BT, e-M / MT Dan e-P)

- (a) BNCP yang dikemukakan melalui **e-Filing** selepas tarikh akhir pengemukakan borang berkenaan dianggap sebagai telah diterima dalam tempoh yang ditetapkan jika borang diterima dalam tempoh **15 hari** selepas tarikh akhir pengemukakan borang.
- (b) Kegagalan mengemukakan dalam tempoh yang dibenarkan membolehkan penalti di bawah subseksyen 112(3) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) dikenakan berdasarkan tarikh akhir pengemukakan BNCP berkenaan.

Contoh:

Tarikh akhir pengemukakan Borang BE Tahun Taksiran 2014 adalah 30 April 2015. Tambahan masa diberikan sehingga 15 Mei 2015 bagi e-Filing Borang BE (e-BE) Tahun Taksiran 2014. Jika pembayar cukai mengemukakan Borang BE Tahun Taksiran 2014 secara e-Filing (e-BE) pada 16 Mei 2015, BNCP tersebut akan dianggap sebagai lewat diterima mulai 1 Mei 2015 dan boleh dikenakan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967.

- (c) Tambahan masa ini juga terpakai untuk bayaran baki cukai di bawah subseksyen 103(1) ACP 1967.

1.3 Tambahan Masa Untuk Mengemukakan BNCP Kertas Melalui Pos – Borang BE, B, BT, M, MT, P, TP, TJ Dan TF

- (a) BNCP yang LHDNM terima melalui **pos** selepas tarikh akhir pengemukaan borang berkenaan dianggap sebagai telah diterima dalam tempoh yang ditetapkan jika borang diterima dalam tempoh **3 hari bekerja** selepas tarikh akhir pengemukaan borang.
- (b) Tambahan masa ini juga terpakai untuk bayaran baki cukai di bawah subseksyen 103(1) ACP 1967 bagi BNCP yang dikemukakan melalui pos.
- (c) Tambahan masa ini **TIDAK TERPAKAI** bagi BNCP yang dikemukakan secara serahan tangan.

1.4 Sistem e-Filing Borang BE, B, BT, M, MT Dan P Tahun Taksiran 2014 Serta Borang E (Saraan Bagi Tahun 2014)

Sistem e-Filing bagi individu, perkongsian dan majikan disediakan mulai tarikh seperti berikut:

Jenis BNCP	Modul Individu	Modul Ejen Cukai (TAeF)
e-E, e-BE, e-B / BT, e-M / MT dan e-P	1 Mac 2015	1 Mac 2015

2. PENGEMUKAAN BORANG C, C1, PT, TA, TC, TR DAN TN BAGI TAHUN TAKSIRAN 2014 DAN TAHUN TAKSIRAN 2015

2.1 Tarikh Akhir Pengemukaan BNCP

Subseksyen 77A(1) dan 103(1) ACP 1967, Peruntukan Kecualian dan Peralihan Akta Kewangan 2007 (Akta 683) dan Akta Kewangan 2009 (Akta 693) menyatakan bahawa pengemukaan BNCP berkenaan serta pembayaran baki cukai dan hutang kepada Kerajaan perlu dibuat selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan ketujuh daripada tarikh yang berikutan dengan tarikh penutupan tempoh perakaunan syarikat.

2.2 Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan Amanah Dan Koperasi Yang Dorman Dan / Atau Belum Mula Menjalankan Perniagaan

- (a) Mengikut peruntukan subseksyen 77A(1) ACP 1967, setiap syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi hendaklah mengemukakan BNCP bagi setiap tahun taksiran dalam tempoh tujuh bulan daripada tarikh tutup tempoh perakaunan. Sehubungan itu, sebarang surat pengecualian mengemukakan BNCP yang dikeluarkan oleh cawangan LHDNM adalah dibatalkan mulai tarikh surat dikeluarkan oleh LHDNM kepada persatuan akauntan / badan profesional bertarikh 18 Ogos 2014.
- (b) Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi yang dorman dan / atau yang belum menjalankan perniagaan, hendaklah mengemukakan BNCP (termasuk Borang E) mulai Tahun Taksiran 2014.
- (e) Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi yang belum memulakan operasi tidak perlu mengemukakan Borang CP204.
- (d) Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi yang memiliki saham, harta tanah, simpanan tetap dan pelaburan yang seumpamanya, tidak dianggap sebagai dorman.
- (f) Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi yang mengemukakan maklumat yang tidak benar adalah tertakluk kepada peruntukan seksyen 113 dan seksyen 114 ACP 1967.
- (g) Pendaftaran fail cukai pendapatan syarikat boleh dimohon secara manual seperti perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi. Borang pendaftaran boleh dimuat turun dari Portal Rasmi LHDNM > Borang > Borang Nyata > Pendaftaran. Walau bagaimanapun, syarikat adalah digalakkan membuat permohonan untuk pendaftaran fail cukai pendapatan melalui e-Daftar.

- (h) Pendaftaran fail cukai pendapatan syarikat dormant dan / atau yang belum menjalankan perniagaan juga boleh dimohon secara dalam talian melalui e-Daftar di Portal Rasmi LHDNM:

(i)	Tarikh Mula Akaun	Pengisian adalah tidak mandatori.
(ii)	Tarikh Tutup Akaun	
(iii)	Tarikh Beroperasi	

- (i) Bagi tujuan pengemukaan secara e-Filing (e-C), syarikat dormant dan / atau yang belum menjalankan perniagaan perlu mengisi BNCP seperti dikehendaki berikut:

(i)	Tempoh Perakaunan	Pengisian adalah mandatori. Tempoh seperti dilaporkan dalam penyata tahunan kepada SSM.
(ii)	Tempoh Asas	Pengisian adalah mandatori.
(iii)	Kod Perniagaan	Isi kod perniagaan mengikut jenis perniagaan yang didaftarkan dengan SSM.
(iv)	Pendapatan Berkanun Perniagaan / Perkongsian	Isikan amaun '0' jika tiada pendapatan.

2.3 Pengemukaan BNCP Syarikat Melalui Medium Elektronik Atau Penghantaran Elektronik

Mengikut peruntukan subseksyen 77A(1A) ACP 1967 yang berkuat kuasa mulai Tahun Taksiran 2014, syarikat hendaklah mengemukakan BNCP kepada LHDNM melalui medium elektronik atau penghantaran elektronik. Pengemukaan BNCP secara manual (borang kertas) kepada LHDNM **TIDAK DIANGGAP DITERIMA** bagi maksud seksyen 77A ACP 1967.

2.4 Tambahan Masa Untuk Mengemukakan BNCP Syarikat Secara e-Filing

- (a) BNCP syarikat yang dikemukakan secara **e-Filing** selepas tarikh akhir pengemukaan borang berkenaan dianggap sebagai telah diterima dalam tempoh yang ditetapkan jika borang diterima dalam tempoh **1 bulan** selepas tarikh akhir pengemukaan borang. Tambahan masa ini terpakai untuk:

- ~ BNCP syarikat (e-C dan e-R) bagi Tahun Taksiran 2014 yang mana tarikh akhir pengemukaan borang jatuh dalam tahun kalendar 2015; dan
 - ~ BNCP syarikat (e-C) bagi Tahun Taksiran 2015.
- (b) Kegagalan mengemukakan dalam tempoh yang dibenarkan membolehkan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967 dikenakan berdasarkan tarikh akhir pengemukaan BNCP berkenaan.

Contoh I:

Tarikh akhir pengemukaan BNCP syarikat Tahun Taksiran 2014 bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2014 adalah 31 Julai 2015. Tambahan masa diberikan sehingga 31 Ogos 2015 bagi e-Filing BNCP syarikat (e-C dan e-R) Tahun Taksiran 2014 untuk tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2014. Sekiranya pembayar cukai mengemukakan BNCP syarikat Tahun Taksiran 2014 bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2014 secara e-Filing (e-C dan e-R) pada 1 September 2015, BNCP tersebut akan dianggap sebagai lewat diterima mulai 1 Ogos 2015 dan boleh dikenakan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967.

Contoh II:

Tarikh akhir pengemukaan BNCP syarikat Tahun Taksiran 2015 bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Ogos 2015 adalah 31 Mac 2016. Tambahan masa diberikan sehingga 30 April 2016 bagi e-Filing BNCP syarikat (e-C) Tahun Taksiran 2015 untuk tempoh perakaunan berakhir 31 Ogos 2015. Sekiranya pembayar cukai mengemukakan BNCP syarikat Tahun Taksiran 2015 bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Ogos 2015 secara e-Filing (e-C) pada 1 Mei 2016, BNCP tersebut akan dianggap sebagai lewat diterima mulai 1 April 2016 dan boleh dikenakan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967.

- (c) Tambahan masa ini juga terpakai untuk bayaran:
- (i) baki cukai di bawah subseksyen 103(1) ACP 1967; dan
 - (ii) bayaran hutang kepada Kerajaan di bawah Akta Kewangan 2007 (Akta 683) dan Akta Kewangan 2009 (Akta 693).

2.5 Sistem e-Filing Bagi Pengemukaan BNCP Syarikat (e-C) Tahun Taksiran 2015

Sistem e-Filing bagi syarikat akan disediakan mulai **1 April 2015**.

2.6 Tambahan Masa Untuk Mengemukakan BNCP Kertas Melalui Pos – Borang C1, PT, TA, TC, TR Dan TN

- (a) BNCP yang LHDNM terima melalui **pos** selepas tarikh akhir pengemukaan borang berkenaan dianggap sebagai telah diterima dalam tempoh yang ditetapkan jika borang diterima dalam tempoh **3 hari bekerja** selepas tarikh akhir pengemukaan borang.
- (b) Tambahan masa ini juga terpakai untuk bayaran baki cukai di bawah subseksyen 103(1) ACP 1967 bagi BNCP yang dikemukakan melalui pos.
- (c) Tambahan masa ini **TIDAK TERPAKAI** bagi BNCP yang dikemukakan secara serahan tangan.
- (d) Kegagalan mengemukakan dalam tempoh yang dibenarkan membolehkan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967 dikenakan berdasarkan tarikh akhir pengemukaan BNCP berkenaan.

Contoh :

Tarikh akhir pengemukaan Borang C1 Tahun Taksiran 2015 bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Mac 2015 adalah 31 Oktober 2015. Tambahan masa diberikan sehingga 4 November 2015 bagi mengemukakan Borang C1 Tahun Taksiran 2015 untuk tempoh perakaunan berakhir 31 Mac 2015. Sekiranya pembayar cukai mengemukakan Borang C1 Tahun Taksiran 2015 bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Mac 2015 melalui pos pada 5 November 2015, BNCP tersebut akan dianggap sebagai lewat diterima mulai 1 November 2015 dan boleh dikenakan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967.

2.7 Permohonan Lanjutan Masa Untuk Mengemukakan BNCP

- (a) Permohonan untuk lanjutan masa boleh dibuat dengan syarat LHDNM menerima permohonan sekurang-kurangnya **30 hari** sebelum tarikh akhir pengemukaan borang berkenaan. Permohonan yang diterima di luar tempoh yang ditetapkan akan ditolak.

Contoh:

Bagi tempoh perakaunan yang berakhir pada 31 Mei 2015, tarikh akhir pengemukaan BNCP syarikat adalah pada 31 Disember 2015. Sekiranya lanjutan masa dimohon, permohonan berserta alasan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya sebelum atau pada 1 Disember 2015.

- (b) Permohonan lanjutan masa untuk bayaran baki cukai hendaklah dikemukakan bersama, jika diperlukan juga.
- (c) Permohonan perlu disertakan dengan alasan yang munasabah dan kukuh. Permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan merit kes.
- (d) Permohonan hendaklah dialamatkan kepada:

Pengarah Bahagian Dasar & Operasi
Jabatan Operasi Cukai
Menara Hasil, Aras 12
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

- (e) Tambahan masa TIDAK TERPAKAI bagi kes yang mana lanjutan masa telah dibenarkan.

3. Borang E (Saraan Bagi Tahun 2014)

3.1 Tarikh Akhir Pengemukakan Borang E

Borang E 2014 dikeluarkan kepada majikan pada 31 Januari 2015. Subseksyen 83(1) ACP 1967 menetapkan bahawa borang perlu dikemukakan sebelum atau pada 31 Mac 2015.

3.2 Tambahan Masa Untuk Mengemukakan Borang E Secara e-Filing (e-E)

- (a) Borang E yang dikemukakan melalui **e-Filing** (e-E) selepas tarikh akhir pengemukakan borang dianggap sebagai telah diterima dalam tempoh yang ditetapkan jika borang diterima dalam tempoh sebelum atau pada **30 April 2015**.
- (b) Kegagalan mengemukakan dalam tempoh yang dibenarkan membolehkan kompaun di bawah perenggan 120(1)(b) ACP 1967 dikenakan berdasarkan tarikh akhir pengemukakan BNCP berkenaan.

3.3 Tambahan Masa Untuk Mengemukakan Borang E Melalui Pos

- (a) Borang E yang LHDNM terima melalui **pos** selepas tarikh akhir pengemukakan borang berkenaan dianggap sebagai telah diterima dalam tempoh yang ditetapkan jika borang diterima dalam tempoh **3 hari bekerja** selepas tarikh akhir pengemukakan borang.
- (b) Tambahan masa ini TIDAK TERPAKAI bagi Borang E yang dikemukakan secara serahan tangan.

3.4 Permohonan Lanjutan Masa Untuk Mengemukakan Borang E

- (a) Permohonan untuk lanjutan masa boleh dibuat dengan syarat LHDNM menerima permohonan sekurang-kurangnya **30 hari** sebelum tarikh akhir pengemukakan borang. Permohonan yang diterima di luar tempoh yang ditetapkan akan ditolak.

Contoh:

Tarikh akhir pengemukakan Borang E adalah pada 31 Mac 2015. Sekiranya lanjutan masa dimohon, permohonan berserta alasan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya sebelum atau pada 1 Mac 2015.

- (b) Permohonan perlu disertakan dengan alasan yang munasabah dan kukuh. Permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan merit kes.
- (c) Permohonan hendaklah dialamatkan kepada:
Pengarah Bahagian Dasar & Operasi
Jabatan Operasi Cukai
Menara Hasil, Aras 12
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
- (d) Tambahan masa TIDAK TERPAKAI bagi kes yang mana lanjutan masa telah dibenarkan.

3.5 Penyerahan Borang C.P. 8A / C.P. 8C (EA / EC) Kepada Pekerja

Mengikut peruntukan subseksyen 83(1A) ACP 1967, majikan dikehendaki menyediakan Borang C.P. 8A / C.P. 8C (EA / EC) bagi tahun berakhir 2014 dengan lengkap dan memberikan borang tersebut kepada semua pekerja sebelum atau pada **28 Februari 2015**.

3.6 Tatacara Pengemukakan Borang E Dan C.P. 8D

- (a) Borang hendaklah dikemukakan ke Pusat Pemprosesan Maklumat.
- (b) Borang C.P. 8D boleh dikemukakan melalui kaedah berikut:
 - (i) Secara e-Filing jika Borang E dikemukakan secara e-Filing;
 - (ii) Mengemukakan fail txt dalam CD dengan spesifikasi data seperti di Bahagian A Lampiran 1;
 - (iii) Mengemukakan fail Microsoft Excel dalam CD mengikut spesifikasi seperti di Bahagian B Lampiran 1; atau
 - (iv) Penghantaran borang kertas C.P. 8D.

- (c) Pengemukakan secara e-Filing adalah digalakkan. Majikan yang tidak mengguna kaedah e-Filing disarankan untuk mengemukakan C.P. 8D melalui kaedah 3.5(ii)(b) atau 3.5(ii)(c) di atas terutama sekali bagi majikan yang mempunyai **20 orang** atau lebih pekerja.

3.7 Praisi Maklumat Gaji Pada e-Filing

Bagi memantapkan lagi sistem e-Filing seiring dengan perkembangan teknologi semasa, LHDNM sedang berusaha untuk mendapatkan maklumat gaji pembayar cukai melalui majikan. Ia adalah untuk memudahkan pembayar cukai menggunakan e-Filing di mana praisi telah dibuat pada borang e-Filing. Apabila pembayar cukai menggunakan e-Filing, maklumat tersebut boleh dipinda jika terdapat sebarang perubahan sebelum tandatangan dan hantar borang secara elektronik.

Majikan digalakkan mengemukakan maklumat tersebut secara dalam talian melalui e-Data Praisi yang boleh dicapai melalui Portal Rasmi LHDNM **sebelum atau pada 21 Februari 2015**. Format untuk [Layout Maklumat Praisi](#) boleh diperolehi dari Portal Rasmi LHDNM. Bagi memastikan maklumat mengikut format, semakan format boleh dibuat melalui e-Data Praisi. Maklumat yang dikemukakan boleh diterima sebagai maklumat C.P. 8D bagi Borang E.

Sebarang pertanyaan boleh dihantar ke bantuan_praisi@hasil.gov.my .

Alamat:

Jabatan Operasi Cukai

Menara Hasil, Aras 12

Persiaran Rimba Permai, Cyber 8

63000 Cyberjaya

Selangor Darul Ehsan

4. Kes Tuntutan Bayaran Balik

4.1 Lampiran / Helaian Kerja

Lampiran / Helaian kerja yang digunakan untuk pengiraan tidak perlu dikemukakan bersama-sama dengan BNCP. Hanya lampiran atau helaian kerja bagi kes bayaran balik seperti berikut sahaja yang perlu dikemukakan:

- (a) Lampiran B1 / HK-3 berkenaan tolakan cukai seksyen 51 Akta Kewangan 2007 (dividen);
- (b) Lampiran B2 / HK-6 berkenaan tolakan cukai seksyen 110 ACP 1967 (lain-lain);
- (c) Lampiran B3 / HK-8 berkenaan tuntutan pelepasan cukai di bawah seksyen 132 ACP 1967; atau
- (d) Lampiran B4 / HK-9 berkenaan tuntutan pelepasan cukai di bawah seksyen 133 ACP 1967.

4.2 Baucar Dividen Asal

Baucar dividen asal tidak perlu dihantar bersama-sama dengan BNCP. Pembayar cukai hanya dikehendaki mengemukakan baucar dividen asal sekiranya diminta untuk tujuan audit.

4.3 Dokumen Lain

Dokumen lain yang berkaitan dengan tolakan cukai seksyen 110 ACP 1967 (lain-lain) dan potongan cukai yang dibuat di negara asing hanya perlu dikemukakan jika diminta untuk tujuan audit.

5. PENALTI

Pengurangan Kadar Penalti Subseksyen 112(3) ACP 1967 Bagi Kes Selain BNCP syarikat

Bagi kes selain BNCP syarikat yang dikenakan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967, kadar penalti seperti ditetapkan oleh LHDNM akan dikurangkan sebanyak 5% jika BNCP berkenaan dikemukakan secara e-Filing.

6. Kelonggaran Bagi Tujuan Bayaran Cukai Di Bawah Subseksyen 103(2) ACP 1967

Tambahan Masa Untuk Bayaran Cukai / Baki Cukai

Bagi taksiran yang dibangkitkan di bawah seksyen 91, 92, 96A dan subseksyen 90(2A), 90(3), 101(2) ACP 1967, cukai / baki cukai hendaklah dibayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh taksiran. Walau bagaimanapun, tambahan masa 7 hari adalah dibenarkan.

Nota: Program ini terpakai sehingga program bagi tahun berikutnya dikeluarkan.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

LAMPIRAN 1

LAYOUT MAKLUMAT C.P. 8D - Pin. 2014

PENYATA SARAAN DARIPADA PENGGAJIAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014 DAN MAKLUMAT MENGENAI POTONGAN CUKAI DI BAWAH KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN DARIPADA SARAAN) 1994

BAHAGIAN A:

PANDUAN PENGEMUKAAN MAKLUMAT C.P. 8D DALAM FAIL TXT

MAKLUMAT MAJIKAN

MAKLUMAT	JENIS	PANJANG	PENERANGAN	CONTOH
No. Majikan	integer	10	No. E majikan. Diisi tanpa E di hadapan	2900030000
Nama Majikan	<i>variable character</i>	80	Nama majikan seperti yang dilaporkan kepada LHDNM	Syarikat Bina Jaya
Saraan Bagi Tahun	integer	4	Tahun saraan berkenaan	2014

Contoh data txt :

2900030000|Syarikat Bina Jaya|2014

Nota: Setiap medan diasingkan dengan *delimiter* | dan disimpan dalam fail txt.

MAKLUMAT PEKERJA

MAKLUMAT	JENIS	PANJANG	PENERANGAN	CONTOH
Nama Pekerja	<i>variable character</i>	60	Nama seperti dalam kad pengenalan.	Ali bin Ahmad
No. Cukai Pendapatan	integer	11	No. cukai pendapatan seperti yang diberikan oleh LHDNM. Jika pekerja tiada no. cukai pendapatan, ruangan ini dibiarkan tanpa diisi.	03770324020
No. Kad Pengenalan / Polis / Tentera / Pasport	<i>variable character</i>	12	Keutamaan diberikan kepada no. K/P baru diikuti dengan no. polis, no. tentera dan no. pasport. No. pasport digunakan untuk warganegara asing.	730510125580 atau A2855084 atau T0370834
Jumlah Saraan Kasar	desimal	11	Jumlah saraan kasar adalah tanpa nilai sen.	RM 50000.70 dan RM 50000.20 dilaporkan sebagai 50000
Elaun / Perkuisit / Pemberian / Manfaat Yang Dikecualikan Cukai	desimal	11	Jumlah elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai adalah tanpa nilai sen.	RM 445.60 dan RM 445.20 dilaporkan sebagai 445
PCB	desimal	11	Jumlah PCB dengan nilai sen.	RM 2555.25 dan RM 2555.90
CP38	desimal	11	Jumlah CP38 dengan nilai sen.	RM 1058.45 dan RM 1058.85

Contoh data txt:

Ali bin Ahmad|03770324020|730510125580|50000|445|2555.25|1058.45
Mike Thompson|5822221110|ZZ5842211|20200|400|1520.45|3200.00

Nota : Setiap medan diasingkan dengan *delimiter* | dan disimpan dalam fail txt.

BAHAGIAN B

PANDUAN PENGEMUKAAN MAKLUMAT C.P. 8D DALAM MICROSOFT EXCEL

1. LHDNM telah menyediakan format C.P. 8D dalam bentuk Microsoft Excel 2003 untuk kemudahan majikan menyediakan data tersebut. Program tersebut boleh diperolehi melalui Portal Rasmi LHDNM.
2. Majikan yang telah menghantar maklumat praisi tidak perlu mengisi dan menghantar Borang C.P. 8D.
3. Media yang boleh digunakan ialah CD.
4. Majikan yang menggunakan kemudahan Microsoft Excel yang dibekalkan oleh LHDNM perlu menamakan fail mengikut piawaian seperti berikut :

YYHHHHHHHHHH_TTTT.XLS

YY : maklumat majikan dan pekerja (MP)
HHHHHHHHHH : no. E
TTTT : tahun saraan

Contoh: Majikan dengan No. E 2900030000 untuk tahun 2014 yang menggunakan Microsoft Excel.

Satu (1) fail akan dihantar kepada LHDNM dengan nama **MP2900030000_2014.XLS**

5. Bagi majikan yang mempunyai sistem berkomputer sendiri dan mempunyai bilangan pekerja yang ramai, mereka digalakkan untuk menyediakan data tersebut dalam bentuk txt mengikut format yang disediakan di atas (Bahagian A).
6. Bagi majikan yang memilih untuk tidak menggunakan Microsoft Excel, maklumat majikan dan pekerja akan disimpan dalam 2 fail berbeza. Walau bagaimanapun, ia perlu dimasukkan ke dalam CD yang sama dan menggunakan nama fail mengikut piawaian di bawah:

YHHHHHHHHHH_TTTT.TXT

Y : maklumat majikan (M) **atau** pekerja (P)
HHHHHHHHHH : no. E
TTTT : tahun saraan

Contoh: Majikan dengan No. E 2900030000 untuk tahun 2014 yang menghantar fail txt.

Dua (2) fail akan dihantar kepada LHDNM dengan nama:

- (i) **M2900030000_2014.txt** - mengandungi maklumat majikan
- (ii) **P2900030000_2014.txt** - mengandungi maklumat pekerja

Panduan Ralat Yang Dikeluarkan Ketika Menggunakan Format Microsoft Excel Yang Dibekalkan:

Bil.	RALAT	MESEJ KESALAHAN
1	No. E: Memasukkan nilai bukan digit atau melebihi 10 digit.	1. Nilai yang diterima adalah digit 2. Bilangan digit melebihi 10
2	Nama Majikan: Memasukkan nama majikan melebihi 80 aksara.	Panjang melebihi 80
3	Saraan Bagi Tahun: Memasukkan nilai bukan digit atau melebihi 4 digit.	Nilai bukan digit atau melebihi 4 digit
4	Nama Pekerja: Memasukkan nama pekerja melebihi 60 aksara.	Panjang melebihi 60
5	No. Cukai Pendapatan: Memasukkan nilai bukan digit atau melebihi 11 digit.	Nilai yang dimasukkan bukan digit atau melebihi 11
6	No. Kad Pengenalan / Polis / Tentera / Pasport: Memasukkan maklumat melebihi 12 aksara.	Panjang melebihi 12
7	Jumlah Saraan Kasar: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.
8	Elaun / Perkuisit / Pemberian / Manfaat Yang Dikecualikan Cukai: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.
9	PCB: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.
10	CP38: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.